

Rujukan Kami : UniSZA.P/2/PP/138 Jld.5 (10)
Tarikh : 18 Oktober 2020

SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan

ARAHAN LARANGAN MENGUNJUNGI ZON BERISIKO DAN ZON MERAH COVID-19 DIPERKETAT

Adalah saya diarah menarik perhatian YBrs. Prof./Dr./tuan/puan mengenai perkara di atas dan surat pekeliling daripada Pejabat Pendaftar terdahulu bertarikh 24 September 2020 berkaitan.

2. Pengurusan UniSZA memandang serius terhadap perkembangan semasa penularan wabak COVID-19 dan pengumuman terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tentang pertambahan beberapa kluster baharu dan zon merah COVID-19.

3. Sehubungan dengan itu, pengurusan universiti telah bersetuju arahan larangan mengunjungi zon berisiko dan zon merah covid-19 diperketatkan seperti berikut:

- i. Mana-mana staf adalah **DILARANG** untuk mengunjungi atau bercuti ke kawasan zon merah COVID-19 atau negeri yang dikategorikan seperti berikut:
 - a. Negeri yang mempunyai **dua (2) atau lebih zon merah COVID-19**,
 - b. Negeri yang mempunyai **50% zon kuning** dan mempunyai lebih enam (6) kes positif covid-19
- ii. **Mana-mana staf UniSZA yang telah mengunjungi zon merah COVID-19 adalah DIWAJIBKAN menjalani kuarantin di rumah selama 14 hari** dan bekerja dari rumah (WFH). Kuarantin ini juga hendaklah dilaksanakan jika terdapat pasangan/ahli keluarga/kontak rapat yang mengunjungi zon merah COVID-19.
- iii. Mana-mana staf UniSZA yang perlu ke zon merah COVID-19 atas urusan yang tidak dapat dielakkan perlu **MENDAPAT KEBENARAN BERTULIS** daripada pengurusan UniSZA.

4. **Arahan ini juga adalah terpakai kepada mana-mana kawasan zon merah yang dikenalpasti oleh pihak Kerajaan sehingga tamat tempoh PKPP Fasa 2 pada 31 Disember 2020.** Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, tindakan tatatertib boleh dikenakan mengikut Akta 605 (Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj))

dan Akta 342 (Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 2020). Semua warga UniSZA diharap mengambil tanggungjawab bersama dengan mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan penularan wabak ini dapat dihentikan.

Sekian, harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Ilmu dan Akhlak’

Saya yang menjalankan amanah,


ISMAL BIN MUSA
Pendaftar

s.k: -YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor

Senarai Edaran

- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (Menjalankan fungsi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Bendahari
- Pengarah Pejabat Kampus Besut
- Penasihat Undang-Undang UniSZA
- Ketua Pustakawan (Menjalankan fungsi)
- Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda
- Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan
- Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Dekan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan
- Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Dekan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
- Dekan Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi
- Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran
- Dekan Fakulti Sains Kesihatan
- Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
- Dekan Fakulti Perubatan
- Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan
- Dekan Fakulti Farmasi
- Dekan Pusat Pengajian Siswazah
- Pengarah Pusat Pengajian Teras
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
- Pengarah Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan
- Pengarah Penerbit UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian
- Pengarah Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
- Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
- Pengarah Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam
- Pengarah Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar
- Pengarah Pusat Islam UniSZA
- Pengarah Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar
- Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
- Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi
- Pengarah Pusat Kesenian dan Warisan
- Pengarah Pusat Alumni
- Pengarah Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti
- Pengarah Pusat Pengurusan Penjana Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri
- Pengarah Pusat Pembangunan Hospital UniSZA
- Pengarah Pejabat Wakaf dan Endowmen
- Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Pengarah Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA
- Pengarah Pusat Antarabangsa
- Ketua Unit Risiko
- Ketua Unit Audit Dalam UniSZA